

D263

U B 5 9 3 B A H  
MAHATHIR - SABAH

KUALA LUMPUR, 16 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA TINDAKAN MENAHAN TIGA RAKYAT SABAH DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) BARU-BARU INI TIDAK BERTUJUAN POLITIK.

KATANYA, PENANGKAPAN BEKAS DETEKTIF POLIS, DAMIT UNDIKAI, B E K A S PEGAWAI POLIS ALBINUS UDAH DAN SETIAUSAHA EKSEKUTIF PERSATUAN KEBUDAYAN KADAZAN DUSUN, BANABAS TOPIN ATAU BENEDICT MERUPAKAN TINDAKAN BIASA MENCIKUT BUDI BICARA PARA PEGAWAI BERKENAAN, DAN BEBAS DARIPADA TUJUAN POLITIK.

+JIKA DIKAJI DARIPADA SEGI SENTIMEN RAKYAT SABAH SENDIRI PENANGKAPAN INI MERUGIKAN KERAJAAN PUSAT SENDIRI KERANA IA AKAN MENIMBULKAN PERASAAN BENCI MEREKA TERHADAP KERAJAAN PUSAT+, K A T A N Y A KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

MENGULAS MENGENAI PENANGKAPAN KETIGA-TIGA RAKYAT SABAH ITU Y A N G KINI MENJADI SATU DARIPADA ISU YANG DIPERKATAKAN DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA NEGERI, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, SEBAGAI AHLI POLITIK BELIAU DAN SESIAPA JUA TIDAK MEMPUNYAI KUASA MENENTUKAN SIAPA YANG HARUS KENA TANGKAP DAN SIAPA YANG TIDAK.

+TERPULANG KEPADA PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWB MEMBUAT TIDAKAN DAN DALAM PERKARA INI MEREKA MENGAMBIL TINDAKAN YANG DARIPADA SEGI POLITIKNYA MERUGIKAN KERAJAAN PUSAT+.-- LAGI.

1554MST 16 06 90

U 8 5 9 5 B A H  
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR

KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR BARU-BARU INI BERKATA, KETIGA-TIGA MEREKA YANG DITAHAN DISYAKI TERBABIT DALAM KOMPLOTT UNTUK MEMBAWA SABAH KELUAR DARI MALAYSIA DAN KEGIATAN MEREKA TELAH DIKESAN SEJAK 1987 LAGI.

ISU PENANGKAPAN ITU DIKATAKAN MENJADI HANGAT DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA SEKARANG DAN IA TURUT DIPERSOALKAN OLEH KETUA MENTERI SABAH, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA SELAMA INI SEMUA PIHAK MAHU PARA PEGAWAI KERAJAAN TIDAK DIKONGKONG OLEH AHLI POLITIK MAKA PERKARA SEPERTI ITU TIDAK HARUS MENJADI RUNGUTAN.

+ADA SESETENGAH ORANG YANG MELAKUKAN KESALAHAN DAN KERANA MEREKA INI AHLI POLITIK MEREKA MENGANGGAP TINDAKAN KE ATAS MEREKA BERTUJUAN POLITIK+, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DALAM PERKARA INI MEREKA YANG TERLIBAT HARUS MEMASTIKAN YANG KESALAHAN ITU BERLAKU DAN TINDAKAN PERLU DIAMBIL TANPA PILIH KASIH DAN MENGEQUALIKAN SESIAPA. -- LAGI.  
1604MST 16 06 90

U B596 BAH  
MAHATHIR - SABAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ADALAH TIDAK ADIL JXKA ADA PIHAK YANG MENGANGGAP SEKIRANYA TANGKAPAN DIBUAT TERHADAP PENYOKONG KERAJAAN BERMAKNA KERAJAAN BERSIKAP TIDAK PILIH KASIH SEBALIKNYA JIKA MEREKA YANG DITANGKAP ITU BUKAN DARI PARTI KERAJAAN BERERTI KERAJAAN PILIH KASIH.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SEMUA PEGAWAI SAMA D A DARI JABATAN HASIL DALAM NEGERI, BADAN PENCEGAH RASUAH ATAU POLIS BEBAS MENGAMBIL TINDAKAN MENGIKUT BUDI BICARA DAN KUASA YANG ADA PADA MEREKA DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGHALANG MEREKA OARIPADA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB.

+KADANG-KADANG ORANG KITA JUGA KENA TANGKAP SEPERTIMANA BEBERAPA ORANG UMNO YANG DITAHAN DIBAWAH ISA DULU TETAPI BILA MEREKA KELUAR DAN MEREKA MARAH DENGAN TINDAKAN ITU MEREKA MASUK PARTI 46+, KATANYA.

PERDANA MENTERI TURUT MENJELASKAN MENGENAI ISU TUNTUTAN TAMBAHAN ROYALTI DARIPADA HASIL MINYAK DI SABAH YANG MENURUTNYA MERUPAKAN SATU PEMBAHAGIAN YANG ADIL.

+PEMBERIAN ROYALTI 5 PERAYUS DARIPADA PENDAPATAN KASAR MINYAK DI SABAH SEKAPANG MERUPAKAN SATU ANGKA YANG UKUP BESAR,+ KATANYA. --  
L.A.S.I.

16J6MST 16 0 6 9 0

0271

U 5597 BAH  
MAHATHIR - SABAH 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHXR BERKATA, HASIL MINYAK DI BEBERAPA NEGERI TERMASUK SABAH DXANGGAP MILIK NEGARA DAN PENDAPATANNYA PERLU DIAGIH-AGIHKAN KE NEGERI-NEGERI LAIN SECARA ADIL.

KATANYA, ADALAH SECARA KEBETULAN MINYAK TERDAPAT DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU TERMASUK DI SABAH.

BELIAU BERKATA, J I K A DULU HASIL MINYAK DI TERENGGANU D A N DI SARAWAK TURUT DIAGIH-AGIHKAN UNTUK PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI SABAH TANPA PROTES DARI SABAH SENDIRI HAKA ADALAH ADIL PERKARA YANG SAMA D I L A K U K A N DARIPADA HASIL MINYAK DI NEGERI ITU. -- BERNAMA.

1609MST 16 0 6 9 0